

18 JAN 2002

Tioman-Penduduk

STATUS BEBAS CUKAI HADIAH ISTIMEWA PENDUDUK PULAU TIOMAN

KUANTAN, 18 Jan (Bernama) -- Langkah kerajaan menganugerahkan status bebas cukai kepada Pulau Tioman merupakan hadiah istimewa kepada penduduk pulau itu khasnya dan penduduk negeri ini amnya..

Penghulu Pulau Tioman Mohd Nor Hidon hari ini berkata pengumuman itu membawa nafas baru yang dapat meningkatkan semangat penduduk pulau itu untuk terus turut membangunkannya dengan pesat dan jayanya.

"Penduduk pulau ini akan terus bekerja keras untuk sama-sama mendukung cita-cita kerajaan dalam memajukan Pulau Tioman sebagai antara destinasi pelancongan utama negara," katanya dalam kenyataan kepada media di sini.

Beliau berkata penduduk Pulau Tioman berikrar untuk terus memajukan diri dan meningkatkan imej pulau peranginan itu supaya sentiasa indah, cantik serta mempunyai tarikan luar biasa yang menjadi idaman pelancong dari dalam dan luar negara.

Rabu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Pulau Tioman akan diberikan status pulau bebas cukai, iaitu pulau ketiga yang menerima penganugerahan itu selepas Labuan dan Langkawi.

Langkah itu dibuat bagi membolehkan Pulau Tioman bersaing dengan Pulau Batam dan Bintan dalam menarik kedatangan pelancong dari Singapura.

Mohd Nor berkata penduduk Pulau Tioman merasa sungguh terharu dan gembira dengan pengumuman Dr Mahathir itu.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri itu yang sentiasa peka serta mengambil berat mengenai pembangunan dan kemakmuran semua penduduk luar bandar, termasuk di pulau-pulau," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

ROS NMO